

07 FEB 1999

Sabah-Pilihan raya

PILIHAN RAYA SABAH DIADAKAN SEBELUM PERTENGAHAN MAC?

Oleh: Ali Mamat

KOTA KINABALU, 7 Feb (Bernama) -- Walaupun pihak berkuasa masih membisu, sekurang-sekurangnya tiga pemimpin kanan politik negeri percaya bahawa pilihan raya negeri Sabah yang kesembilan pasti akan diadakan sebelum pertengahan bulan depan.

Tempoh penggal Dewan Undangan Negeri sekarang, yang mengandungi 48 anggota dipilih dan enam dilantik berakhir pada 18 Mac.

Seorang pemimpin kanan Parti Liberal Demokratik (LDP), komponen Barisan Nasional negeri berkata, ramalam itu berdasarkan kemungkinan bahawa dewan undangan negeri dibubar pada 20 Feb, sejurus selepas lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negeri ini.

Dr Mahathir dijadual melawat Sabah mulai 18 Feb.

Walaupun secara rasmi, beliau di sini untuk merasmikan konvensyen BN negeri, kebanyakan pemerhati dan ahli politik tempatan meramalkan bahawa Dr Mahathir akan menggunakan kesempatan itu untuk memperkukuhkan perpadan di kalangan pemimpin dan penyokong parti-parti komponen demi memastikan kemenangan Bn pada pilihan raya negeri akan datang.

Beberapa pemimpin BN negeri secara terus-terang mengaku bahawa BN negeri masih berusaha menangani beberapa isu seperti pembahagian kerusi untuk parti-parti komponen bertanding dan pemilihan calon di kalangan parti-parti berkenaan.

BN negeri terdiri daripada sembilan parti komponen termasuk Umno sebagai tunggak utama, Parti Demokratik Sabah (PDS), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), MCA, Parti Maju Sabah (SAPP) dan Angkatan Keadilan Rakyat (AKAR).

Mereka meramalkan bahawa kehadiran Dr Mahathir akan menyelesaikan semua isu yang berbangkit dan membolehkan semua pemimpin dan penyokong merapatkan barisan serta membuka jalan bagi BN menghadapi pilihan raya negeri dengan penuh yakin.

Seorang pemimpin LDP yang tidak mahu namanya disiarkan percaya bahawa dalam keadaan seperti itu, ada kemungkinan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya akan menetapkan 27 feb sebagai tarikh penamaan calon dan 6 Mac sebagai hari mengundi, memendekkan tempoh berkempen daripada 10 hingga 14 hari.

Dalam pada itu, pemimpin pembangkang, Datuk Harris Salleh juga percaya bahawa dewan undangan negeri akan dibubar pada 20 Feb, selepas Dr Mahathir berlepas ke Kuala Lumpur dan pengundi akan keluar mengundi pada minggu pertama Mac sebelum kira-kira 3,000 masyarakat Islam Sabah menunaikan haji pada 8 Mac.

Harris selaku pemangku presiden Parti Barisan Rakyat Sabah Bersekutu (Bersekutu) berkata ramalannya tentang tarikh itu ialah berdasarkan fakta bahawa jangka masa mandatori (bagi pilihan raya diadakan) semakin hampir dan "sesiapa yang berkuasa tidak mahu kehilangan semua 3,000 undi penting daripada masyarakat Islam Sabah".

"Tarikh (20 Februari) amat selesa kepada semua kerana menjelang tarikh itu suasana sambutan Hari Raya Aidil Fitri dan Tahun Baru Cina di kalangan rakyat negeri ini mula reda dan mereka boleh menumpukan perhatian kepada pilihan raya negeri.

Tahun Baru Cina jatuh pada 16 Feb. Walaupun Hari Raya Aidil Fitri disambut bulan lalu, rumah terbuka sempena perayaan itu masih diadakan di negeri ini.

Pada sesi bertemu rakyat di Tuaran baru-baru ini, seorang pemimpin Umno Datuk Hajiji Mohd Noor, yang juga pembantu menteri bersependapat dengan

Harris dan pemimpin LDP itu berhubung dengan tarikh pembubaran dewan undangan negeri.

Walaupun beliau cuba mengelak untuk menyatakan secara khusus, Hajiiji berkata dewan kemungkinan dibubar bulan ini bagi membolehkan pilihan raya negeri diadakan awal bulan depan.

Bagaimanapun, Harris dan pemimpin LDP itu tidak menolak kemungkinan bahawa pembubaran dewan undangan negeri dilakukan lebih awal, walaupun sebelum Tahun Baru Cina.

"Dewan juga boleh dibubar pada 13 Februari. Jika itu berlaku, maka pilihan raya pasti diadakan pada minggu pertama Mac," menurut pemimpin LDP itu.

-- BERNAMA

AM FAZ